

27 MAR 1998

Anwar-Kuil

ISU KUIL BERSEBELAHAN MASJID SELESAI, KATA ANWAR

PULAU PINANG, 27 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini memberi amaran bahawa kerajaan akan mengambil tindakan terhadap sesiapa yang membangkitkan lagi isu "kuil bersebelahan masjid" di sini yang dianggap telah selesai.

Timbalan Perdana Menteri berkata kerajaan akan bertindak terhadap mereka yang cuba "menangguk di air yang keruh."

Ketika bercakap kepada pemberita di sini, beliau berkata apa yang berlaku sebenarnya perkara kecil tetapi ia digembar-gemburkan oleh sesetengah pihak.

Beliau bergegas ke sini petang ini dari Kulim setelah tercetus pergaduhan antara satu kumpulan dari sebuah masjid dan satu kumpulan dari kuil Hindu Raja-Raja Maduraiveeran yang bersebelahan di Jalan Patani di sini.

Anwar mengakui memang wujud ketegangan dan ada kes pergaduhan antara pemuda Melayu dan pemuda India yang telah mengakibatkan kecederaan ringan.

"Perkara ini telah diselesaikan dengan kebijaksanaan. Perkara yang berkaitan ialah khabar angin yang merebak meluas seolah-olah ada pergaduhan besar, ada kebakaran," kata beliau sambil menafikan sekeras-kerasnya khabar angin kononnya berlaku kebakaran kuil atau masjid di merata tempat di negeri ini atau berlaku kecederaan parah hingga ada orang yang terbunuh.

Wakil-wakil media yang berada di tempat kejadian menyaksikan polis melepaskan gas pemedih mata dan pancutan air untuk meleraikan sekumpulan pemuda yang berhimpun di depan Masjid Kampung Rawa selepas solat Jumaat.

Apabila polis cuba meleraikan kumpulan itu, mereka menjadi marah dan mula melontar batu ke arah polis.

Polis kemudian menahan beberapa pemuda untuk disoalsiasat.

"Perkara ini telah diselesaikan oleh kerajaan negeri dan polis yang telah cepat masuk dan bertindak tegas untuk mengelak daripada merebak," katanya.

Anwar berkata beliau berunding dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ke sini supaya menjelaskan mengenai insiden itu supaya tiada ruang untuk tafsiran yang salah.

Beliau juga meminta kerjasama DAP dan PAS supaya tidak menjadikan insiden itu isu politik.

"Ini isu keselamatan dan Malaysia mesti mempertahankan rekod keamanan dan kerjasama semua pihak dan semua kaum. Kita mesti pertahan rekod hubungan akrab dan baik antara agama dan toleransi, dan mematuhi peraturan yang ada dalam undang-undang negara kita," katanya.

Menurutnya, masalah itu cuma menjadi hangat apabila ada unsur dari luar kawasan itu yang datang dengan maksud membakar semangat kerana mereka menganggap masjid dibakar dan kuil dirobuhkan.

"Kedua-dua faktor itu salah. Saya juga dapat maklumat yang media asing menggambarkan keadaan seolah-olah sudah tidak terkawal dan adanya kecederaan yang parah," katanya.

Ketika memberi latar belakang insiden itu, Anwar berkata ada kuil yang didapati berdekatan dengan masjid yang menimbulkan masalah tetapi perkara itu telah dirunding dan (kuil) dipindah cara baik setelah dipersetujui kedua-dua pihak.

Timbalan Perdana Menteri berkata empat daripada kumpulan pemuda yang terbabit dalam pergaduhan itu dilaporkan cedera.

Mengenai mereka yang ditahan polis, katanya, ada beberapa orang pemuda

Melayu dan India yang sedang disoal siasat.

"Saya percaya kalau tidak perlu, mereka akan dibebaskan segera, kalau tidak mereka akan disoal siasat bagi mengelak merebaknya hasutan dan cerita-cerita rekaan palsu ini," katanya.

Jurucakap Hospital Pulau Pinang berkata dua orang telah dimasukkan ke wad untuk rawatan lanjut.

Sementara itu, di Kuala Lumpur, Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata beliau berterima kasih kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim atas dayausahanya menyelesaikan isu kuil sebelah masjid yang berlaku di Kampung Rawa, Pulau Pinang.

Samy Vellu yang juga Menteri Kerja Raya berkata beliau gembira kerana hasil campurtangan Anwar, isu itu dapat diselesaikan secara aman.

Amat malang sekali bahawa ketika negara selama ini menikmati keharmonian kaum, insiden seperti itu berlaku, kata beliau kepada Bernama malam ini.

Beliau berharap bahawa keharmonian yang dibina oleh rakyat Malaysia dari pelbagai kaum tidak terganggu akibat insiden itu.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Ketua Menteri Pulau Pinang Tan Sri Dr Koh Tsu Koon atas peranannya menyelesaikan isu berkenaan. --

BERNAMA

AA ES FAZ